



Tahap Penguasaan	Tafsiran	Menguasai (✓ / ✗)
Tahap 3	Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman untuk membuat penerokaan terhadap seni cetakan melalui penggunaan media, teknik dan proses.	

Nama :	Kelas :
--------	---------

Latihan 2 : Lengkapkan kenyataan yang tepat tentang ciri-ciri karya cetakan Barat berdasarkan aliran dan gaya yang sesuai mengikut abad.

Abad ke-15 Erhard Ratdolt, Apollonius, <i>Romanae historiae de bellis civilibus</i>, 1471, cetakan kayu	Gaya seni <i>Renaissance</i> muncul di Itali. Kebanyakan pelukis era <i>Renaissance</i> mempunyai lebih daripada satu kemahiran dalam penghasilan catan, arca, gurisan (<i>etching</i>), pertukangan emas dan seni bina. Karya-karya seni cetakan Barat pada akhir abad ke-15 hingga awal abad ke-16 dikatakan dipengaruhi oleh (1) _____. Pada pertengahan abad ke-15, cetakan kayu dihasilkan dalam bentuk blok-buku (<i>blockbooks</i>), iaitu (2) _____.
Abad ke-16 Cornelis Matsys, <i>Four Blind Peasants</i>, 1556, gurisan kayu	Seni cetakan pada abad ini mengekalkan (3) _____ iaitu menggunakan rekaan geometri secara berulang-ulang dan bingkai gambar yang bercorak. Contohnya karya Cornelis Matsys (1508-1556) iaitu "<i>Four Blind Peasants</i>", teknik cetakan gurisan. Karya cetakan beliau memperihalkan berkaitan imej (4) _____.
Abad ke-17 Rembrandt van Rijn, <i>The Windmill</i>, 1639, gurisan asid	Gaya dan aliran ini menolak gaya <i>Renaissance</i> tetapi menyaksikan gaya dan aliran (5) _____ dan _____ di Itali. Perkembangan dan inovasi dalam proses cetakan menggunakan bahan kimia dan pengenalan plat tembaga adalah merupakan seni cetakan (6) _____. Contoh pelukis dengan gaya seni <i>Mannerisme</i> ialah Rembrandt yang mahir dengan teknik gurisan asid pada era tersebut.
Abad ke-18 dan 19 James Abbott McNeill Whistler, <i>The Wine Glass</i>, 1856, gurisan asid	Seni cetakan Barat pada abad ini berfungsi untuk (7) _____ seperti Thomas Bewick, William Hogarth, James Abbott McNeill Whistler dan Edvard Mucha yang mahir dalam seni cetakan. Pelukis aliran <i>Impresionisme</i> Barat seperti Mary Cassatt, Edouard Manet, Claude Monet dan Edgar Degas terpengaruh dengan ciri-ciri gaya pelukis Jepun dengan mencipta (8) _____ iaitu subjek utama tidak diletakkan di bahagian tengah. Cetakan blok kayu dari Jepun menjadi terkenal di Perancis pada tahun (9) _____. Penggunaan blok warna rata, terang dan besar adalah medium pelukis cetakan Jepun seperti (10) _____ dan _____.